

Headline	Dana RM50 juta setahun perangi AIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	18	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	364 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohamed Sahidi Yusof	AdValue	RM 12,547
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,642



# Dana RM50 juta setahun perangi AIDS

➔ Program intervensi bantu capai matlamat hapus kes menjelang 2030

Oleh **Mohamed Sahidi Yusof**  
bhkb@bh.com.my

► Tanah Merah

**K**ementerian Kesihatan memperuntukkan RM50 juta bagi menjayakan program intervensi setiap tahun, dalam usaha mencapai matlamat mengakhiri AIDS menjelang 2030.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramanian, berkata pelbagai pelan strategik dilaksanakan sepanjang tempoh berkenaan.

Beliau berkata, fokus utama membabitkan pencegahan jangk-

tan dalam kalangan populasi, pengurangan stigma dan diskriminasi serta meningkatkan ujian dan rawatan.

"Selain itu, pembabitkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menerusi Majlis AIDS Malaysia (MAM) dapat mempercepatkan lagi usaha memerangi AIDS.

#### Hasrat semakin hampir

"Kesedaran tinggi masyarakat mengenai penyakit berisiko tinggi itu menjadikan hasrat mengakhiri AIDS 2030 semakin hampir," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan sambutan hari AIDS Sedunia peringkat kebangsaan di Klinik Kesihatan Kemahang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Tanah Merah, Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan Presiden Majlis AIDS Negara, Baktiar Talhah.

Dr Subramanian, berkata setakat ini terdapat hampir 92,000 pembawa virus HIV di negara ini.

[FOTO MOHAMED SAHIDI YUSOFF/BH]



**Dr Subramanian (dua dari kiri) merasmikan** sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 di Klinik Kesihatan Kemahang, Tanah Merah, Kelantan, semalam.